



Ucapan

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Awang Haji Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Di Majlis Munajat Khas
Sempena 70 Tahun Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)

Pada Hari Sabtu,
26hb Sya'ban 1447H / 14hb Februari 2026M

Bertempat
Di Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tarhib – Syukur

Alhamdulillah –

Tujuh puluh tahun dahulu, tepatnya pada 1hb Januari 1956, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah ditubuhkan sebagai badan pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam di negara ini. Tafsiran dalam Perlembagaan Negara menyebutkan “*Majlis Ugama Islam* bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan menurut Bahagian II dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (*Penggal 77*).

Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Bahagian II mengenai Ugama dan Adat Istiadat, *Perkara 3 (3)* menyebutkan bahawa “*Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam*”.

Seterusnya *Perkara 3 (4)* Perlembagaan menyebutkan bahawa “*Bagi maksud perkara ini – maksud perkara 3 (3) – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, boleh setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-*

undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam”.

Dimaklumi dalam *Perkara 3 (1)* Perlembagaan menyebutkan bahawa “*Ugama Rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya*”.

Dimaklumi juga bahawa *Islam* yang didaulatkan sebagai *Ugama Rasmi* itu ialah Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan Mazhab Shafi’e.

Alhamdulillah Majlis Ugama Islam telah ditubuhkan dalam era pemerintahan al-Marhum Sultan Haji ‘Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Ibni al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul ‘Alam. Dengan itu ia adalah merupakan mercu tanda dengan statusnya sebagai ugama anutan turun temurun bagi raja yang memerintah, pembesar-pebesar kerajaan dan majoriti rakyat Brunei. Keutamaan selanjutnya ialah untuk usaha menjadikan ajaran-ajarannya difahami, disebar luaskan dan diamalkan dengan sempurna. Kerana itulah perlu ada badan iaitu Majlis Ugama Islam sebagai pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Tidak diragukan bahawa langkah mengukuhkan pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Kadhi, rancangan mengajarkan ilmu ugama secara persekolahan formal, menyebarkan dakwah Islamiah di samping menerus dan meningkatkan usaha penghantaran pelajar-pelajar ke Sekolah Ugama Arab Al-Juned di Singapura dan seterusnya melanjutkan mereka menuntut di Al-Universiti Al-Azhar, Mesir dan banyak lagi perancangan yang berkaitan pelajaran dan pendidikan Islam dengan pembinaan sekolah Arab ugama rendah dan menengah.

Semuanya itu menjadi asas yang penting dan kukuh serta laluan yang luas untuk agama Islam keseluruhannya berkembang pesat dalam era pemerintahan Anakda al-Marhum Arkitek Brunei Moden itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan ke-29 Negara Brunei Darussalam, dengan agama Islam yang didaulatkan sebagai agama rasmi negara itu semakin berperanan penting dan signifikan dalam kemodenan Brunei itu.

Oleh itu setentunya Majlis Ugama Islam semakin penting dilihat diharapkan untuk berperanan sebagaimana yang jelas terang dimaktubkan dalam Perlembagaan Negara itu, dalam era Brunei terus berkembang, dengan munculnya rakyat yang berpendidikan, generasi baharu yang terdedah luas kepada dunia global melalui kemajuan teknologi info komunikasi.

Dalam semua itu, kita berdoalah, khasnya kita-kita yang diberikan kedudukan beramanah yang sifatnya keugamaan namun yang setentunya adalah dalam skop keugamaan yang meliputi ehwal kehidupan dunia dan akhirat khasnya dalam berpemerintahan yang memelihara keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara bagi kemajuannya dan seterusnya demi kesejahteraan rakyat.

Demikianlah. Semoga sesi Munajat kita ini menepati hajat kita untuk Majlis Ugama Islam tetap kukuh dengan peranannya dan kita ahli-ahlinya selamat berperanan dengan ditaufeqkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala ke arah yang diredhai-Nya dunia akhirat.

Allahumma aamiin Ya Rab al-'Aalamiin.

وبالله التوفيق والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Awang Haji Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Daraina – 8
Sabtu 26 Sya'aban 1447 / 14 Februari 22026.